



KENYATAAN TAWARAN SEWAAN TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk tawaran	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga	Tarikh Taklimat
PERKHIDMATAN MENGURUS KAFETERIA DAN MENYEDIAKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN DI TINGKAT 2 WISMA BERNAMA, NO.28, JALAN BERNAMA OFF JALAN TUN RAZAK 50400 KUALA LUMPUR	040103 (Makanan Bermasak Islam)	15 Mei 2026 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	8 Mei 2026 (Jumaat) 10.30 pagi

Dokumen tawaran boleh didapati mulai tarikh **8 Mei 2026 (Jumaat)** pada waktu taklimat. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login>.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 8 Mei 2026 (Jumaat)
 Masa : 10.30 Pagi
 Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 13

Syarikat juga wajib membawa Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih aktif ketika menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai tawaran ini.

Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, boleh mendapatkan dokumen Tawaran Sewaan di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 13, Wisma BERNAMA, Off Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur atau membuat permohonan melalui emel kepada [urus.setia](mailto:urus.setia@bernama.com) untuk mendapatkan salinan asal tawaran.

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut harga**) dan diemelkan kepada [Urus Setia](mailto:urus.setia@bernama.com) seperti di atas selewat-lewatnya sebelum **8 Mei 2026 (Jumaat)jam 10.30 pagi**.

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara manual ke dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 15 Mei 2026 (Jumaat)** di alamat berikut:

Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Fasiliti
Tingkat 13, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Kafeteria BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1595
E-mel : shahrul.rambli@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen tawaran sewaan boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran sewaan yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
